

Tatacara Permohonan

Permohonan untuk memasuki Pusat Latihan Belia KPD-OISCA akan diiklankan melalui media massa tempatan. Borang permohonan boleh didapati di pejabat-pejabat KPD atau dimuat turun dari laman sesawang <https://kpd.sabah.gov.my>

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kembali ke mana-mana Pejabat KPD atau menghantar terus ke alamat berikut sebelum tarikh tutup permohonan :

Pengurus Besar
Korporasi Pembangunan Desa
Wisma Pertanian Sabah
Aras 2, Jalan Tasik, Luyang,
(Off Jalan Maktab Gaya)
Beg Berkunci 86
88998 Kota Kinabalu
(U/P :Unit Inovasi Dan Latihan)
Tel : 088-291380/291329

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Pusat Latihan Belia KPD-OISCA
KM12, Jalan Lagud Sebrang,
Peti Surat 706, 89907 Tenom, Sabah.
Tel : 087-737567
Faks: 087-735567
Emel: kpdoisca@gmail.com



**KORPORASI PEMBANGUNAN
DESA**

**PUSAT LATIHAN BELIA
KPD - OISCA
TENOM
(SI 0258)**



PUSAT LATIHAN BELIA KPD-OISCA TENOM

LATAR BELAKANG

Pusat Latihan Belia KPD-OISCA Tenom mula beroperasi pada bulan Februari 1989. Pusat ini terletak berhampiran dengan Taman Pertanian Sabah Lagud Sebrang Tenom. Jarak dari pekan Tenom ialah 12 km dan 155 km dari Kota Kinabalu. Perjalanan menggunakan perkhidmatan bas dari pekan Tenom ke Pusat Latihan mengambil masa 15 minit.

VISI

Menerajui Latihan Kemahiran Pertanian menjelang 2025.

MISI

Melahirkan modal insan berkemahiran, kreatif, inovatif, berjati diri, bernilai pasaran tinggi dan agropreneur.

OBJEKTIF

1. Melahirkan belia yang berkemahiran dan bersifat komersial dalam industri pertanian.
2. Menyediakan tenaga kerja mahir dalam bidang pertanian.
3. Melahirkan belia yang rajin bekerja, berdisiplin, komited, bekerjasama dan amanah.
4. Memupuk sifat setia kepada pemimpin Kerajaan dan Negara.
5. Menanam kesedaran cintakan alam sekitar.

Program Kemahiran yang ditawarkan

A016-001-3:2016

Operasi Pengeluaran Tanaman (SKM 3)

Tempoh Latihan : 17 Bulan

Teori : 410 jam

Praktikal : 1225 jam, 9 Modul

A011-002-2:2022

Operasi Pengeluaran Padi (SKM 2)

Tempoh Latihan : 9 Bulan

Teori : 480jam

Praktikal : 1920 jam, 7 Modul

C107-002-3:2020

Pengeluaran Makanan (Pemprosesan) (SKM 3)

Tempoh Latihan : 17 Bulan

Teori : 420 jam

Praktikal : 1000 jam, 5 Modul

A014-006-3:2022

Operasi Ladang Poltri (SKM 3)

Tempoh Latihan : 17 Bulan

Teori : 718 jam

Praktikal : 1681 jam, 11 Modul

AF-013-3:2012

Pengendalian Tanaman Cendawan (Tanah Rendah) (SKM 3)

Tempoh Latihan : 17 Bulan

Teori : 240 jam

Praktikal : 980 jam, 7 Modul

Program Kemahiran Sosial

- **Kemahiran Komunikasi**
- **Kemahiran Penyelesaian Masalah**
- **Kemahiran Kepimpinan**
- **Kemahiran Kerja Berpasukan**
- **Kemahiran Kepelbagaian Tugas**
- **Nilai-nilai Sosial**

Program Pengetahuan Tambahan

- **Kursus Bahasa Jepun**
- **Pengendalian Makanan**
- **Pemeliharaan Alam sekitar**

Syarat kelayakan

- Tamat Tingkatan 5
- Umur 17 ~ 25 tahun
- Bujang
- Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah
- Sihat dan mampu menjalani latihan sepanjang program
- Berminat untuk mengikuti latihan kemahiran
- Menandatangani kontrak perantisan

Kemudahan kepada Perantis

- Penginapan, makan dan minum sepanjang kursus
- Elaun RM100.00 sebulan
- Perlindungan Insuran
- Peralatan ladang

Kelebihan Kursus

- Diiktiraf oleh kerajaan & mengikut keperluan industri.
- Menekankan aspek praktikal (80%) berbanding teori (20%).
- Penilaian program mengikut keupayaan perantis.
- Berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma/Diploma Lanjutan.
- Perantis yang cemerlang berpeluang melanjutkan pelajaran ke Jepun, atas biayaan OISCA International.

